

MOXICLAV TABLET

Amoxicillin/ Clavulanic acid (500mg/ 125mg atau 875mg/ 125mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MOXICLAV
2. Bagaimana MOXICLAV berfungsi
3. Sebelum menggunakan MOXICLAV
4. Cara menggunakan MOXICLAV
5. Semasa menggunakan MOXICLAV
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MOXICLAV
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Produk Pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MOXICLAV

MOXICLAV digunakan pada orang dewasa dan kanak-kanak untuk merawat jangkitan berikut:

- jangkitan telinga tengah dan sinus
- jangkitan saluran pernafasan
- jangkitan saluran kencing
- jangkitan kulit dan tisu lembut termasuk jangkitan pergigian
- jangkitan tulang dan sendi

Bagaimana MOXICLAV berfungsi

MOXICLAV ialah antibiotik yang berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan. Ia mengandungi dua ubat yang berbeza dipanggil *amoxicillin* dan *clavulanic acid*. *Amoxicillin* tergolong dalam sekumpulan ubat yang dipanggil "*penicillin*" di mana fungsinya kadangkala boleh dihalangi (menjadi tidak aktif). Komponen aktif (*clavulanic acid*) boleh mengelakkan ini daripada berlaku.

Sebelum menggunakan MOXICLAV

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil MOXICLAV:

- jika anda mempunyai alahan terhadap *amoxicillin*, *clavulanic acid*, *penicillin* atau terhadap bahan-bahan lain dalam tablet MOXICLAV
- jika anda mempunyai alahan yang serius terhadap ubat antibiotik yang lain. Ini termasuk ruam kulit atau bengkak pada muka atau leher.
- jika anda pernah mengalami masalah hati atau jaundis (kekuningan kulit) apabila mengambil ubat antibiotik

- Sebelum menggunakan MOXICLAV

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai demam kelenjar
- sedang dirawat untuk masalah hati atau buah pinggang
- mengalami pembuangan air kencing tidak tetap

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengalami mana-mana masalah tersebut, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil MOXICLAV.

Dalam sesetengah kes, doktor anda akan menyiasat jenis bakteria yang menyebabkan jangkitan anda.

Bergantung kepada keputusan tersebut, anda mungkin diberi kekuatan MOXICLAV yang lain atau ubat-ubatan yang lain.

Kehamilan dan penyusuan

Jika anda hamil, rasa anda mungkin hamil atau anda sedang menyusukan anak, sila beritahu doktor atau ahli farmasi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan sebarang ubat

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau pernah mengambil atau terambil ubat-ubatan yang lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang boleh didapati tanpa preskripsi atau ubat herba.

- jika anda sedang mengambil *allopurinol* (untuk *gout*) dengan MOXICLAV anda mungkin akan mengalami reaksi alahan kulit
- jika anda sedang mengambil *probenecid* (untuk *gout*) doktor anda mungkin akan melaraskan dos MOXICLAV anda.
- jika ubat-ubatan untuk membantu menghentikan pembekuan darah diambil dengan MOXICLAV, maka ujian darah tambahdiperlukan
- MOXICLAV boleh mempengaruhi bagaimana *methotrexate* (ubat yang digunakan untuk merawat kanser atau penyakit reumatik) berfungsi.

Cara menggunakan MOXICLAV

Berapa banyak harus digunakan

Ikuti nasihat doktor

Dewasa dan kanak-kanak dengan berat badan 40kg atau lebih

- dos biasa – 1 tablet dua kali sehari
- dos tinggi – 1 tablet tiga kali sehari

Kanak-kanak dengan berat badan < 40kg

Kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah sepatutnya perlu dirawat dengan sirap MOXICLAV. Tanya nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai pemberian tablet MOXICLAV kepada kanak-kanak dengan berat badan yang kurang daripada 40kg.

Pesakit yang mempunyai masalah hati dan buah pinggang

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, doktor anda boleh memilih dos yang berbeza atau ubat yang lain untuk anda
- Jika anda mempunyai masalah hati, anda mungkin perlu menjalani ujian darah dengan lebih kerap untuk memeriksa fungsi hati anda

Bila perlu digunakan

- Sentiasa ambil ubat ini seperti yang diarah oleh doktor anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

Berapa lama perlu digunakan

- Ambil MOXICLAV sehingga rawatan selesai, walaupun anda rasa seperti telah pulih. Anda memerlukan setiap dos untuk membantu melawan jangkitan. Jika sesetengah bakteria bertahan, mereka boleh menyebabkan jangkitan itu kembali.
- Jangan ambil MOXICLAV lebih dari 2 minggu. Sekiranya anda masih tidak sihat, anda perlu jumpa doktor semula.
- Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa mengambil ubat, ambilkan seterusnya sahaja anda teringat. Tunggu sekurang-kurangnya 4 jam sebelum mengambil dos seterusnya

MOXICLAV TABLET

Amoxicillin/ Clavulanic acid (500mg/ 125mg atau 875mg/ 125mg)

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Jika anda mengambil terlalu banyak MOXICLAV, tanda-tanda mungkin termasuk sakit perut (rasa mual, loya atau cirit-birit) atau sawan. Pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat anda dengan segera. Bawa bungkusan ubat anda dengan anda walaupun sudah dihabiskan

Semasa menggunakan MOXICLAV Perkara yang perlu dilakukan

- MOXICLAV boleh menyebabkan keadaan yang lebih teruk, atau menyebabkan kesan sampingan yang serius. Ini termasuk reaksi alahan, sawan (fits) dan keradangan usus besar. Anda mesti memerhatikan simptom-simptom tertentu semasa anda mengambil MOXICLAV, untuk mengurangkan risiko sebarang masalah. Lihat “*Simtom-simtom yang perlu diawasi*” di **Kesan Sampingan**.
- Sekiranya anda menjalani ujian darah (seperti ujian status sel darah merah atau ujian fungsi hati) atau ujian air kencing (untuk glukosa), beritahu doktor atau jururawat bahawa anda sedang mengambil MOXICLAV. Ini kerana MOXICLAV boleh mempengaruhi keputusan ujian-ujian ini.
- Ia adalah sangat penting untuk mengambil antibiotik pada dos yang betul, pada masa yang tepat dan untuk bilangan hari yang sesuai.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Anda tidak patut mengambil ubat antibiotik melainkan ia ditetapkan khususnya untuk anda dan anda harus menggunakannya hanya untuk merawat jangkitan yang ditetapkan.
- Anda tidak patut memberi ubat antibiotik anda kepada orang lain.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
MOXICLAV boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan dan simtomnya boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

Jangan memandu atau mengendalikan mesin melainkan anda rasa sihat.

Kesan sampingan

Seperti dengan semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang berikut boleh berlaku dengan ubat ini:

- cirit-birit
- *thrush (candida* - jangkitan yis pada faraj, mulut atau lipatan kulit)
- rasa mual, terutama apabila mengambil dos yang tinggi
- muntah
- senak
- ruam kulit, gatal-gatal
- ruam terbangkit yang gatal (*hives*)
- pening
- sakit kepala
- peningkatan enzim hati
- perubahan dalam ujian darah dan ujian air kencing

Berhenti mengambil MOXICLAV dan hubungi doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- reaksi alahan yang serius seperti Drug Reaction with Eosinophilia and Systemic Symptoms (DRESS). DRESS muncul pada mulanya sebagai simtom selesema dengan ruam di muka dan kemudian dengan ruam yang berleluasa, suhu tinggi dan nodus limfa yang bengkak.

Keradangan usus besar

Keradangan usus besar, menyebabkan cirit-birit berair biasanya dengan darah dan lendir, sakit perut dan / atau demam.

Hubungi doktor dengan segera jika anda mengalami simtom-simtom ini.

Kesan sampingan yang lain

Reaksi kulit yang serius pernah berlaku dalam bilangan orang yang sangat kecil tetapi frekuensi yang tepat tidak diketahui:

- ruam yang meluas dengan lepuh dan kulit mengelupas, terutamanya di sekitar mulut, mata, hidung dan alat kelamin (*Stevens-Johnson syndrome*), dan reaksi yang lebih teruk, menyebabkan kulit mengelupas yang meluas (lebih

daripada 30% permukaan badan – *toxic epidermal necrolysis*)

- ruam kulit merah yang meluas dengan lepuh yang mengandungi nanah (*bullous exfoliative dermatitis*)
- ruam berwarna merah, bersisik dengan benjolan di bawah kulit dan lepuh (*exanthemous pustulosis*)

Sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan MOXICLAV

Penyimpanan

- Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak
- Simpan ubat di bawah 30°C di dalam bungkusan asal

Pelupusan

- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusan.
- Ubat-ubatan tidak harus dibuang melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya kepada ahli farmasi cara membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

- Tablet MOXICLAV 1g berwarna putih, berbentuk kapsul, dwi-cembung, bersalut filem dengan dimensi nukleus 21.5mm x 10mm
- Tablet MOXICLAV 625mg berwarna putih, berbentuk kapsul, dwi-cembung, bersalut filem dengan dimensi nukleus 19mm x 10mm

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- *Amoxicillin* sebagai *amoxicillin trihydrate*

MOXICLAV TABLET

Amoxicillin/ Clavulanic acid (500mg/ 125mg atau 875mg/ 125mg)

- *Clavulanic acid* sebagai *potassium clavulanate*

Bahan tidak aktif

- Tablet MOXICLAV 1g juga mengandungi *magnesium stearate, microcrystalline cellulose, colloidal anhydrous silica, sodium starch glycollate, opadry II white 85G18490.*
- Tablet MOXICLAV 625mg juga mengandungi *magnesium stearate, microcrystalline cellulose, colloidal anhydrous silica, sodium starch glycollate, talc, diethylphthalate, methyl cellulose, titanium dioxide dan dimethicone.*

Nombor MAL

MOXICLAV 1g Tablet
MAL071227799AZ

MOXICLAV 625mg Tablet
MAL20014203AZ

Pengilang

MEDOCHEMIE LTD
(Factory B – Oral Facility)
Agios Athanassios, Industrial Area,
Iapetou 48, Limassol, 4101, Cyprus

Pemegang Produk Pendaftaran

KOMEDIC SDN BHD, 4 Jalan
PJS 11/14, Bandar Sunway, 46150
Petaling Jaya, Selangor D.E.

Tarikh kemaskini

21/05/2026

Nombor siri

NPRA(R4/1)100919/00249